

Teks Ucapan

**YBhg. Prof. Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor
Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA**

sempena

**Majlis Sambutan Alumni Jemputan Sidang Pertama
Istiadat Konvokesyen ke-97**

**5 Ogos 2023 | Sabtu | 1.00 Tengah hari
Lobi Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC)
UiTM, Shah Alam**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, saya merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat-Nya, membolehkan kita untuk bersama-sama meraikan majlis pada hari ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga serta sekalung tahniah kepada Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN), khususnya Prof. Dr. Mohamad Hariri Hj. Abdullah, Timbalan Naib Canselor ICAN dan juga Prof. Madya Datin Sri Dr. Nazura Mohamed Sayuti, Pengarah Pusat Jaringan Alumni, serta staf dan warga UiTM yang bersama-sama menjayakan majlis pada hari ini.

Hadirin sekalian,

3. Istiadat konvokesyen ke-97 ini sekali lagi menyatukan alumni UiTM bagi meraikan para graduan. Saya amat bersukacita dengan kehadiran para alumni kerana sudi meluangkan masa bagi mengeratkan dan memperkukuh silaturrahim bersama warga UiTM. Majlis ini merupakan simbolik sebagai tanda penghargaan di samping mempertemukan alumni dari pelbagai generasi. Terima kasih saya ucapkan.

4. Kebersamaan alumni pastinya dapat memacu strategi universiti untuk memperkasakan nilai teras MADANI seperti yang telah diuar-uarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan.

5. Nilai teras tersebut merupakan tonggak dasar dalam memperkukuh ekonomi dan kewangan, perundangan, institusi, pendidikan, kemasyarakatan, budaya, bandar dan luar bandar,

yang mana dengan kajian semula inisiatif sedia ada dan mencari peluang baharu akan meningkatkan lagi ketampakan UiTM ke arah menjadi universiti yang dikenali dunia menjelang tahun 2025 (GRU2025).

6. Suka untuk saya kongsi bahawa jumlah alumni UiTM yang telah direkodkan setakat 1 Ogos 2023 pada jam 12.32 tengah hari adalah seramai 710,819 orang. Alumni merupakan aset berharga yang tiada tandingnya kepada sesebuah universiti. Komitmen para alumni dalam menjayakan program universiti amatlah diperlukan bagi menjamin perkembangan dan kesinambungan universiti.
7. Oleh itu, kehadiran Tuan-tuan dan Puan-puan sebagai jemputan khas dalam perarakan alumni pada sidang pertama setiap Istiadat Konvokesyen amat kami hargai dan ia menjadi salah satu medium buat pihak universiti bersama alumni, seterusnya meluaskan jaringan sosial.

8. Sehubungan itu, saya berharap agar semua alumni mengambil peluang untuk berkongsi kemahiran serta kepakaran dengan melibatkan diri dalam aktiviti yang telah direncanakan oleh pihak Universiti.
9. Perkongsian hebat daripada alumni ini juga mampu memberikan inspirasi atau dapat membantu sesama alumni dalam mengorak langkah ke arah yang lebih maju.
10. Untuk makluman, antara aktiviti yang akan berlangsung bersempena sambutan Hari Alumni UiTM tahun 2023 ialah 'UiTM Alumni Fun Run' dengan slogan '**Run for The Memories**'. Program yang direncanakan oleh Pejabat ICAN ini dijangka akan berlangsung pada 28 Oktober 2023 secara serentak di Kampus UiTM Cawangan terpilih.
11. Terima kasih saya ucapkan kepada alumni yang telah mendaftarkan diri. Saya berharap dapat bertemu lagi dengan alumni-alumni hebat di hadapan saya ini pada program yang akan datang.

Para Alumni yang dikasihi,

12. Kejayaan penuh nikmat yang dikecapi pada hari ini harus menjadi asbab untuk kita kembali menjadi hamba-Nya yang sentiasa bersyukur. Jadilah seperti “padi, makin berisi makin rendah”.
13. Kejayaan ini wajar dikongsikan bersama pihak universiti dan warganya dalam apa jua bentuk sumbangan yang mampu diberikan.
14. Justeru, saya menyeru para alumni UiTM untuk melunaskan tanggungjawab zakat Tuan-tuan dan Puan-puan melalui Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf atau ZAWAF UiTM. Setiap sumbangan zakat yang dibuat menerusi ZAWAF, akan memberi pulangan sebanyak 50% kepada pihak UiTM. Hasil pulangan ini akan diagihkan kembali dengan cara membantu para pelajar dan warga UiTM yang memerlukan menerusi manfaat wakaf tunai di samping menambah baik infrastruktur universiti.

15. Sumbangan juga tidak hanya terhad kepada wang ringgit, malah melalui pelbagai bentuk seperti tenaga dan komitmen yang boleh berikan dalam setiap program anjuran Universiti.

16. Tidak lupa juga saya ingin menekankan agar para alumni mengambil peluang mendaftarkan diri di MyAlumni UiTM. Pelbagai tawaran menarik disediakan antaranya oleh Malaysia Airlines, Firefly, Starbucks, dan juga Zus Coffee dengan setiap pembelian menggunakan MyAlumni UiTM Virtual Card.

Hadirin yang saya kasihi,

17. Saya yakin dan percaya bahawa setiap alumni memainkan peranan yang sangat penting dalam meningkatkan dan mengeratkan hubungan antara satu generasi ke satu generasi. Semoga Ukhuwah Islamiyah yang diberkahi ini akan dapat dikekalkan jauh lebih baik lagi.

18. Akhir kata, terima kasih sekali lagi kepada seluruh warga UiTM di atas penat lelah anda untuk memastikan kelancaran program dan seterusnya menjayakan Majlis Istiadat Konvokesyen pada kali ini.
19. Semoga segala usaha yang telah diberikan ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak terutamanya dalam memperkasa generasi anak bangsa. Izinkan saya mengakhiri ucapan dengan serangkap pantun:

**“Berkurun lama tidak kutemui,
Kasih masih tersemat di hati,
Terima kasih alumni yang dikasihi,
Moga UiTM bertakhta di hati.”**

Sekian, Terima Kasih.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh